


Headline **Kepupusan Kelip-kelip**
Date **26 Jul 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **5to7**
Article Size **2364 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **46,723**
PRValue **140,168**



Sains • Teknologi • Inovasi

S&T

UTUSAN MALAYSIA ISSN 26 JULAI 2010

Kepupusan Kelip-kelip

MUNGKINKAH selepas ini cahaya kelip-kelip akan pupus? Keindahan serangga yang nama saintifiknya *Pteroptyx tener*, menjadi daya penarik kepada mereka yang cintakan warna warni. Bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, kelip-kelip amat dikenali kerana hanya serangga tersebut sahaja yang mudah ditemui mengeluarkan cahaya daripada abdomennya. Namun menghargainya sahaja tidak mencukupi dengan hanya meminatinya sedangkan ramai tidak mempedulikan masalah yang mengancamnya ketika ini iaitu kepupusan.

Headline **Kepupusan Kelip-kelip**
Date **26 Jul 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **5to7**
Article Size **2364 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **46,723**
PRValue **140,168**



BENTUK telur kelip-kelip sebelum ia menetas menjadi larva.

Info menarik

- Kedua-dua jantina kelip-kelip mengeluarkan cahaya di bawah abdomennya sebagai tarikan untuk mengawan.
- Hidup lebih lama di peringkat larva.
- Makanan utama ketika di peringkat larva adalah sejenis siput bakau yang dikenali dengan nama saintifiknya *Cyclotropis carinata*.
- Memiliki empat peringkat hidup iaitu dewasa, telur, larva dan pupa.
- Ketika di peringkat larva ia adalah pemangsa setelah dewasa kelip-kelip dipercayai hidup dengan memakan debunga.
- Di peringkat dewasa kelip-kelip hanya hidup untuk beberapa minggu sahaja.

Kelip-kelip



PUPA merupakan peringkat terakhir sebelum kelip-kelip bertukar menjadi dewasa.

kian hilang sinarnya

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my

INDAH seperti bintang, 'berkelip' tanpa henti, hadirnya menyerikan malam yang gelap gelita dan menghiasi serta menyeri kehidupan.

Di kenali sebagai kelip-kelip, kunang-kunang atau nama saintifiknya *Pteroptyx tener*, taburan serangga tersebut bermula dari kawasan tanah rendah seperti pantai sehingga ke kawasan tanah tinggi atau pergunungan.

Bagi yang tinggal di kawasan luar bandar, kelip-kelip amat dikenali kerana hanya serangga tersebut sahaja yang mudah ditemui mengeluarkan cahaya daripada abdomennya.

Jika ada di antara pembaca yang tinggal berdekatan pesisir pantai mahu pun muara, kehadiran ribuan makhluk istimewa tersebut terutama pada pohon berembang memukau mata

Headline

Kepupusan Kelip-kelip

Date

26 Jul 2010

Media Title

Utusan Malaysia

Section

Supplement

Journalist

N/A

Frequency

Daily

Circ / Read

197,952 / 833,287

Language

Malay

Page No

5to7

Article Size

2364 cm²

Color

Full Color

ADValue

46,723

PRValue

140,168

memandang.

Ia mudah dilihat pada malam hari terutamanya ketika bulan gelap dan antara kawasan yang terkenal dan berdekatan dengan ibu kota untuk melihat serangga tersebut ‘beraksi’ yang adalah di Kuala Selangor.

Lokasi tersebut juga terkenal sebagai tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara yang datang semata-mata untuk melihat keindahan kerlipan cahaya yang berhasil ketika beribu-ribu serangga tersebut berkumpul.

Namun, kini fenomena atau pemandangan kelip-kelip berkumpul dalam jumlah yang amat banyak tersebut mungkin akan lenyap berikutan habitatnya kini sedang

diancam pelbagai tekanan.

Menurut Pegawai Penyelidik Entomologi, Program Biodiversiti Fauna, Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Nada Badruddin, kini habitat kelip-kelip semakin terancam berikutan peningkatan penggunaan tanah serta akibat pencemaran.

“Jika habitatnya semakin kurang maka serangga tersebut lambat laun turut

hilang.

“Memang ia ada ditemui di kawasan tanah tinggi, namun fenomena ia berkumpul dalam kumpulan yang besar

hanya dapat ditemui di kawasan tertentu sahaja,” ujar beliau yang di temui di makmal entomologi di FRIM, Kepong baru-baru ini.

Tambah Nada, selain kehilangan habitat, pencemaran cahaya dari kawasan penempatan manusia turut memberi kesan terhadap proses pembiakan kelip-kelip.

“Sebenarnya, kelip-kelip berkumpul dalam jumlah yang banyak adalah untuk proses memikat dan mengawan.

“Manakala cahaya yang dikeluarkan melalui bahagian bawah abdomennya adalah untuk menarik perhatian pasangan ketika proses tersebut berlangsung.

“Kehadiran cahaya lampu akan menyebabkan sesetengah daripadanya

sering terkeliru dan akhirnya tidak dapat melaksanakan proses mengawan dengan baik,” jelasnya.

ia juga akan memberi kesan yang

negatif terhadap serangga tersebut kerana jangka hayat kelip-kelip ketika dewasa tidak lama.

Jangka hayat kelip-kelip adalah lebih lama ketika ia di peringkat larva, sekitar tiga hingga lima bulan.

Manakala apabila dewasa ia hanya mempunyai masa selama beberapa minggu sahaja untuk hidup dan masa tersebut digunakan sepenuhnya untuk mencari pasangan dan mengawan sebelum ia mati.

Justeru, pelbagai kajian kini dijalankan oleh pihak FRIM bagi menyelamatkan kelip-kelip serta habitatnya.

Malah, atas inisiatif institut tersebut satu bengkel yang dikenali sebagai Simposium Kelip-Kelip Antarabangsa Kedua 2010 akan diadakan di Malaysia pada 2 hingga 5 Ogos ini.

Para penyelidik kelip-kelip dari merata dunia telah berkumpul dan bermesyuarat untuk pertama kalinya pada tahun 2007 di Portugal.

Hasil pertemuan tersebut mereka bersetuju untuk mengadakan sebuah seminar khas untuk membincangkan isu yang sedang melanda populasi kelip-kelip di dunia.

Justeru simposium kelip-kelip antarabangsa pertama telah diadakan di Thailand pada tahun 2008.

Selain kehilangan habitat, pencemaran cahaya (*light pollution*) dari kawasan penempatan manusia turut memberi kesan terhadap proses pembiakan kelip-kelip

Pengerusi serta Jawatankuasa simposium tersebut, Dr. Saw Leng Guan berkata ia merupakan sebuah simposium yang disertai oleh 14 buah negara termasuk Malaysia.

“Simposium ini diadakan bagi menggalakkan pertukaran maklumat dan idea di kalangan pakar dan penggemar kelip-kelip.

“Seterusnya untuk mengetengahkan penyelidikan serta mengukuhkan jaringan kerjasama antara para penyelidik dari serata dunia,” katanya.

Simposium tersebut turut mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Tourism Selangor Sdn. Bhd., Kementerian Pelancongan Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malakoff.

Apa yang pasti, simposium tersebut memberi peluang kepada peserta untuk mendengar penerangan para pakar dan mendapat maklumat penemuan penyelidikan serta berkenaan usaha pemuliharaan terkini yang sedang dilaksanakan di negara-negara lain.

Headline **Kepupusan Kelip-kelip**
 Date **26 Jul 2010**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **5to7**
 Article Size **2364 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **46,723**
 PRValue **140,168**


Sejumlah 35 pembentangan akan diadakan sepanjang simposium tersebut diadakan dan dikategorikan di bawah empat topik umum iaitu Taksonomi dan Filogeni, Biologi dan Perlakuan, Ekologi dan Kepelbagaiannya Biologi seterusnya Pemuliharaan dan Eko-pelancongan.

Selain daripada itu, penyelidik FRIM juga akan membentangkan penemuan-penemuan penyelidikan yang bertumpu kepada habitat kelip-kelip.

Pemantauan terhadap populasi serangga ini di Kuala Selangor yang telah dijalankan sejak beberapa tahun lalu.

Dijangka lebih 100 peserta termasuk para penyelidik, ahli akademik, pelajar universiti, ahli-ahli persatuan pencinta alam dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam isu-isu alam sekitar, penggemar kelip-kelip dan orang awam akan menyertainya.

Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran, sila hubungi Puan Nada atau Cik Veronica di talian: 03-6279 7112 / 7111 atau melalui e-mel: Ifs2010@frim.gov.my atau layari web simposium kelip-kelip di www.ifs2010.frim.gov.my.



BIILANGAN kelip-kelip ditentukan secara kasar berdasarkan titik cahaya yang dikeluarkan oleh serangga tersebut pada gambar yang diambil penyelidik.



NADA BADRUDDIN



(DARI kanan) Nada Badruddin, Dr. Saw Leng Guan dan Veronica Khoo Swee Imm menunjukkan poster berkenaan kitaran hidup serta habitat kelip-kelip.

Headline	Kepupusan Kelip-kelip	Language	Malay
Date	26 Jul 2010	Page No	5to7
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	2364 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	46,723
Frequency	Daily	PRValue	140,168
Circ / Read	197,952 / 833,287		



Keunikan Habitat

- Kelip-kelip dewasa mudah ditemui berkumpul di pohon berembang berdekatan dengan tebing sungai dan kawasan paya bakau.
- Apabila ingin bertelur ia akan terbang ke kawasan tanah yang agak lembap dan berpaya tetapi jauh sedikit daripada tebing sungai.
- Kadang-kala larvanya juga ditemui hampir 100 meter daripada tebing sungai.



Headline	Kepupusan Kelip-kelip	Language	Malay
Date	26 Jul 2010	Page No	5to7
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	2364 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	46,723
Frequency	Daily	PRValue	140,168
Circ / Read	197,952 / 833,287		

Pakar kelip-kelip akan berkumpul di Selangor

PAKAR, penyelidik dan ahli dalam pemuliharaan kelip-kelip akan berkumpul di Selangor pada 2 hingga 5 Ogos ini untuk berkongsi pengalaman, maklumat dan penemuan penyelidikan, serta bertukar-tukar pendapat dalam usaha pemuliharaan habitat dan populasi kelip-kelip.

Mereka akan menyertai The Second International Firefly Symposium bertemakan "Pemeliharaan kelip-kelip: Dari sains ke perlaksanaan" yang akan dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Symposium itu bertujuan memberi peluang kepada peserta mendengar penerangan dan mendapat maklumat penemuan penyelidikan serta usaha pemuliharaan terkini yang sedang dilaksanakan di negara-negara lain.

Seorang pakar kelip-kelip, Prof. Ohba Nobuyoshi dari Ohba Firefly Institute di Jepun akan berkongsi pengalaman beliau melaksanakan kerjasama dengan masyarakat tempatan untuk memulihara

habitat asal kelip-kelip yang telah musnah di sekitar Bandar Yokosuka.

Aktiviti-aktiviti pemuliharaan sungai dan populasi kelip-kelip yang juga mendapat penglibatan sekolah-sekolah.

Ohba telah lama mengkaji serangga ini dan turut terlibat dalam satu kajian yang dilaksanakan oleh MNS antara 1998 dan 2001 di Sungai Selangor.

Selain itu, penyelidik FRIM juga akan membentangkan penemuan-penemuan penyelidikan mereka yang bertumpu kepada habitat kelip-kelip dan pemantauan populasi serangga ini di Kuala Selangor yang telah dijalankan sejak beberapa tahun lalu.

Symposium berkenaan akan dihadiri lebih 100 orang termasuk penyelidik, ahli akademik, pelajar universiti dan ahli-ahli persatuan pencinta alam dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam isu-isu alam sekitar, serta pihak berkepentingan lain termasuk penggemar kelip-kelip dan orang awam yang berminat.



SEKUMPULAN penyelidik FRIM sedang mengumpulkan larva kelip-kelip.